

30 JUL 1998

Najib-Buku

BUKU "THE WAY FORWARD" KETENGAH KEJAYAAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Buku "The Way Forward" karya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuktikan bahawa model yang digunakan Malaysia berjaya membawa kestabilan politik dan perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum negara ini.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata buku itu menerangkan kepada dunia khususnya Barat bahawa Malaysia telah mengambil tindakan positif dengan menggubal Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi mencapai kedua-dua faktor itu.

"Kita telah dapat menunjukkan kepada dunia luar bahawa kita boleh menjadikan Malaysia sebuah negara yang berjaya sehingga kita dapat menonjolkan satu model yang berlainan daripada negara lain," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku itu, di sini, hari ini.

Berikutan itu, kejayaan DEB dapat mengelakkan masalah kegawatan ekonomi sekarang dilihat daripada sudut perkauman, katanya.

Selain itu, Najib berkata pendapat Perdana Menteri, yang pada mulanya sering mendapat tentangan dunia luar, kini telah diterima oleh masyarakat antarabangsa.

Najib memberi contoh isu peranan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan spekulator matawang di pasaran kewangan.

"Dua pendapat beliau iaitu mengenai peranan IMF dalam konteks kegawatan ekonomi dan juga peranan spekulator matawang sudah menjadi pendapat umum walaupun dianggap keterlaluan pada mulanya," katanya.

Buku itu diterbitkan oleh Weidenfeld & Nicolson dan dilancarkan awal bulan ini di London oleh bekas Perdana Menteri Britain, Baroness Thatcher.

"The Way Forward" memaparkan kumpulan lima esei pendapat Dr Mahathir mengenai DEB daripada pelbagai perspektif.

Terdahulu, dalam ucapannya, Najib berkata buku itu mengutarakan rasional dan keperluan DEB dalam menentukan hala tuju masa depan Malaysia.

" DEB dilihat secara berbeza oleh banyak pihak. Apa pun pendapat pihak lain, bagi kita, DEB telah memberikan kestabilan politik dan sosial malahan ia sudah pun terbukti berkesan," katanya.

Najib berkata adalah penting bagi rakyat mempertahankan pencapaian DEB.

-- BERNAMA

HAK NAK